

# MBSA tangani masalah parkir

Sinar 20/4/12 MS 22

*Peniaga, pengusaha perlu mohon petak parkir untuk tujuan komersial*

**NORMAN ABU TALIB**

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengingatkan kepada pengusaha dan peniaga kenderaan supaya tidak menggunakan petak letak kereta awam untuk memperagakan dan mempamerkan kenderaan bagi tujuan jualan.

Timbalah Pengarah Korporat MBSA, Shahrin Ahmad berkata, tindakan tidak bertanggungjawab itu adalah satu kesalahan dan menyalahi undang-undang di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (peruntukan tempat letak kereta) Majlis Bandaraya Shah Alam 2007, selain mengakibatkan kekurangan tempat letak kereta untuk kegunaan awam.



**Kenderaan untuk tujuan peragaan yang diletakkan di parkir awam ditunda MBSA.**

Menurutnya, baru-baru ini, pihaknya menjalankan Operasi Penguatkuasaan Salahguna Tempat Letak Kereta diketuai Ketua Bahagian Hasil Bukan

Cukai dan Pelaburan MBSA, Aslinda Tahsim di Pusat Perdagangan Subang Perdana, Seksyen U3, Shah Alam.

Katanya, operasi itu ber-

tujuan menangani masalah parkir tidak mencukupi akibat tindakan segelintir pengusaha dan peniaga meletakkan kereta untuk tujuan promosi dan jual-

an di petak letak kereta tanpa kebenaran MBSA.

"Dalam operasi tersebut, dua kereta ditunda dan MBSA mengenakan kompaun terhadap peniaga yang menggunakan petak letak kereta awam bagi tujuan perniagaan.

"Pemilik syarikat diberi notis amaran dan kompaun kesalahan penggunaan petak letak kereta di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (peruntukan tempat letak kereta) Majlis Bandaraya Shah Alam 2007," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, penggunaan tempat letak kereta awam untuk tujuan komersil perlu mendapat kebenaran MBSA.

Katanya, permohonan sewaan tapak letak kereta bo-

leh dilakukan dengan mendapatkan borang permohonan melalui [www.mbsa.gov.my](http://www.mbsa.gov.my) atau mengambil borang di Jabatan Pengurusan Hasil dan Pelaburan, Tingkat 2, Wisma MBSA.

"Pemohon hendaklah menyertakan borang permohonan lengkap serta dokumen-dokumen ditetapkan seperti salinan pendaftaran perniagaan, salinan lesen perniagaan MBSA, gambar premis dan petak dipohon," katanya.

MBSA memohon kerjasama pengusaha dan peniaga yang memerlukan petak letak kenderaan untuk tujuan komersial supaya membuat permohonan bagi mengelakkan penyalahgunaan di tapak letak kereta dan memudahkan pemantauan oleh MBSA.